Program Building Information Modelling Level Up adalah satu program yang membuka ruang buat para peserta untuk mempelajari ilmu moden digital bangunan yang boleh di visualkan dalam bentuk model 3D fizikal dan mengandungi pelbagai maklumat geometri, fungsi, ciri atau parameter yang dihasilkan melalui perisian perincian yang diperlukan. Program ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada mahasiswa/i mengenai perisian ini serta meningkatkan kebolehpasaran graduan. Program ini telah berjaya dilaksanakan dengan jaya mengikut tentatif yang telah ditetapkan. Program ini juga telah disertai seramai 115 orang peserta. Penceramah yang pertama iaitu Ts. Louis Tay dan penceramah yang kedua pula ialah Ts. Ir. Edward Han. Penceramah berkongsi ilmu Building Information Modelling dengan menunjukkan fakta-fakta dan pengalaman kepada peserta. Penceramah juga menerangkan elemen-elemen serta perisian terkini BIM dalam pasaran. Prospek kerjaya dalam BIM serta skop kerja dan kepentingan BIM pada era teknologi terkini juga dikongsi kepada para hadirin. Mahasiswa/i juga bertanyakan soalan mengenai pelbagai aspek reka bentuk dan fungsi BIM berkaitan bidang kejuruteraan awam.

PROGRAM ATHLETE TALK: SPORT AND ACADEMIC

Tarikh : 20 Mei 2022
Masa : 9.00 AM – 12.00 PM
Tempat : Zoom
Penganjur : Kelab Kejuruteraan Awam
(KKA)
Peserta : 70 orang

Program ini dianjurkan dengan objektif untuk memberi keseimbangan antara akademik dengan keperluan fizikal. Penganjuran program ini juga adalah untuk mewujudkan budaya bersukan di UTHM ke arah memperkasakan modal insan yang seimbang dan berkualiti dalam pencapaian akademik dan penglibatan sukan. Pada masa yang sama, program bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa dan mahasiswi bahawa sukan dapat memberikan tubuh badan yang lebih sihat dan cergas agar dapat membantu dalam peningkatan prestasi akademik. Saudari Nurzarinah binti Zakaria yang merupakan atlet mendayung dan atlet bola jaring UTHM telah dijemput ke program ini. Beliau juga mengambil peluang untuk memperkenalkan sendiri sukan mendayung dan sukan bola jaring di UTHM kepada peserta program. Malah, beliau juga menceritakan pengalaman beliau semasa beliau menjadikan atlet bola jaring sebelum beliau menjadi atlet mendayung. Beliau berkongsi bagaimana beliau membahagikan masa untuk bersukan dan belajar, serta menghadapi tekanan belajar dan ketika beliau cedera semasa bersukan. Perkongsian ini sangat membuka mata bahawa, belajar tidak menghalang seseorang itu untuk bersukan sebaliknya semangat yang kuat boleh membuatkan seseorang itu untuk terus mengejar minat.





SESI PROMOTE KELAB KEJURUTERAAN AWAM KEPADA NAIB CANSOLOR

Tarikh : 23 Jun 2022
Masa : 9.00 AM – 9.30 AM
Tempat : Bilik Mesyuarat 1, FKAAB
Penganjur : Kelab Kejuruteraan Awam (KKA)
Peserta : MPP FKAAB dan Majlis Tertinggi KKA

Sesi Promote Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) diadakan sempena lawatan Naib Canselor UTHM, Prof. Ts. Dr. Ruzairi Bin Abdul Rahman ke Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB). KKA berpeluang untuk beramah mesra Bersama Naib Canselor di luar Bilik Mesyuarat 1 FKAAB. KKA juga sempat mempromosikan aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang sesi 2021/2022. Promosi aktiviti tersebut telah dilakukan dalam bentuk pembentangan slaid. Saudara Muhammad ikmal Bin Mohd Noh, Pengerusi Kelab Kejuruteraan Awam telah mengetuai sesi pembentangan tersebut. Naib Canselor juga bertanyakan mengenai aktiviti-aktiviti yang bakal dijalankan serta impak yang diperolehi oleh pelajar daripada menghadiri aktiviti tersebut. Butiran-butiran kelab seperti jumpa ahli dan jabatan serta peranan setia jabatan juga diberitahu kepada beliau.

PROGRAM LAWATAN TEKNIKAL KE KILANG KONKRIT PRATUANG, SENAI JOHOR

Tarikh : 02 Julai 2022
Masa : 8.00 AM – 5.00 PM
Tempat : HL-Manufacturing SDN BHD
Penganjur : Kelab Kejuruteraan Awam (KKA)
Peserta : Mahasiswa/i FKAAB UTHM

Program Lawatan Teknikal ke Kilang Pembuatan Konkrit Pratuang, Senai, Johor adalah satu program yang membuka ruang untuk para mahasiswa/i bagi mempelajari ilmu kemahiran yang lebih mendalam di dalam bidang kejuruteraan awam. Hal ini secara tidak langsung dapat mendedahkan elemen serta situasi sebenar pekerjaan jurutera awam di dalam industri pekerjaan. Dengan usaha untuk melahirkan mahasiswa/i yang lebih cakna dengan situasi di dalam industri pekerjaan, program ini dapat dijadikan sebagai satu titik awal bagi Professional develop-

ment di dalam diri mahasiswa/i. Lawatan Teknikal yang julung kalinya dijalankan ini telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya mengikut tentatif seperti yang telah ditetapkan. Pihak penganjur dan para peserta telah disambut baik oleh pihak kilang dan kedua belah pihak berjaya bekerjasama dengan baik sepanjang program berlangsung. Wakil dari pihak kilang iaitu Encik Naquiuddin telah memberikan sedikit penjelasan berkenaan industri konkrit pratuang sebelum memulakan aktiviti lawatan ke kawasan kilang agar para peserta dapat memahami serba sedikit tentang persekitaran serta situasi yang berlaku di sekitar kilang. Program ini telah mendapat maklum balas yang sangat baik daripada para peserta. Walaupun program ini hanya menerima 10 orang peserta sahaja namun impak yang diperolehi daripada program ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan.



 **UTHM**
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

LAWATAN TEKNIKAL **KILANG** KONKRIT PRATUANG SENAI, JOHOR

-  2 JULAI 2022
-  8 AM-5 PM
-  HL-MANUFACTURING
SDN BHD

SMAP & E-SIJIL
DISEDIAKAN

 UNTUK PERTANYAAN LANJUT:
Shahirah : 0102424077
Nathrah : 01124321494

TERHAD KEPADA
15 ORANG
SAHAJA



DAFTAR DI SINI





BRIDGE MONITORING USING AE APPROACH

Date : 18 - 21 July 2022
Time : 10.00 AM - 7.00 PM
Venue : Bridge at KM 259 North-South PLUS Highway

The monitoring works was led by Assoc. Prof. Eur Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Bin Shahidan. Acoustic Emission (AE) equipment was used to collect all the data required for the health assessment. The monitoring works was conducted, starting from 10 am until 7.00 pm continuously.



TAKLIMAT REKABENTUK STRUKTUR KELULI

Tarikh : 20 - 22 September 2022
Tempat : Institut Pembangunan Modal Insan (IPMI Zon Timur)

Pada tarikh 20 - 22 September 2022 bertempat di Institut Pembangunan Modal Insan (IPMI Zon Timur) Kelantan, Profesor Madya Ir. Dr. Norwati Jamaluddin telah menerima jemputan sebagai penceramah untuk menyampaikan rekabentuk struktur keluli berdasarkan kepada EC3 kepada para peserta yang terdiri daripada para jurutera dari kalangan Jabatan Pengairan dan Saliran. Pengisian menumpukan kepada asas-asas kelukan dan response struktur terhadap beban dan pendedahan klausa-klausa yang terlibat didalam rekabentuk element tersebut. Adalah diharapkan dengan perkongsian ilmu ini dapat membantu para jurutera.





DEMONSTRASI ALAT PENGUKURAN AKUSTIK DAN PENCAHAYAAN FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA

Tarikh : 15 November 2022
Masa : 2.00 PM – 5.00 PM
Tempat : Makmal Perkhidmatan
Bangunan
Peserta : Pelajar- pelajar tahun akhir
BFF

Satu demostrasi penggunaan alat pengukuran kualiti akustik (bunyi) dan pencahayaan telah diadakan di Makmal Perkhidmatan Bangunan bagi pelajar yang mengambil kursus BFB 41103 Acoutics and Lighting. Demostrasi pengukuran bunyi gema (reverberation time) dan bunyi latar belakang (background noise) yang menggunakan Brüel&Kjær Type 2250 sound level meter, Brüel&Kjær Type 4260 omni-directional sound source dan Brüel&Kjær Type 2734 amplifier telah dijalankan oleh Ts. Dr. Tong kepada pelajar-pelajar bagi membolehkan mereka memahami alat-alat dan kaedah-kaedah pengukuran. Jika bunyi gema tinggi (biasanya melebihi 2 saat, kejelasan (clarity) pertuturan / ucapan akan berkurangan. Manakala, bunyi latar belakang yang tinggi pula akan mengganggu pemahaman pertuturan / ucapan di dalam sesebuah ruang. Selain itu, demostrasi pengukuran pencahayaan pulak dijalankan oleh En. Osman dengan menggunakan 4 in 1 Meter Kits bagi mengukur pencahayaan illuminance (lux) dalam sesuatu ruang. Pencahayaan bagi setiap ruang adalah bergantung kepada kegunaan ruang tersebut.

PELAJAR KELAB KEJURUTERAAN AWAM (KKA) LAKSANA PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT "BAKTI SISWA" DI RUMAH ANAK YATIM RAUDHATUL MARYAM, SKUDAI, JOHOR

Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program "Bakti Siswa" di rumah anak yatim Raudhatul Maryam, Skudai, Johor pada 12 November 2022. Program ini melibatkan 12 sukarelawan yang berganding bahu menyempurnakan program ini hingga berakhirnya aktiviti-aktiviti yang dijalankan di rumah anak yatim Raudhatul Maryam, Skudai Johor. Program ini telah mendapat tajaan dari Jalen Sdn. Bhd dari segi sumbangan makanan dan lain-lain untuk anak-anak di rumah anak yatim tersebut.

Program berlangsung selama 5 jam iaitu



dari jam 8:30 pagi sehingga 1:00 petang dan diketuai oleh saudari Nurul Fatim Fatimah Binti Ahmad Bistari selaku Pengarah Program, yang juga merupakan ahli Kelab Kejuruteraan Awam (KKA). Turut hadir berganding bahu melaksanakan aktiviti ini adalah Ts Dr Nor Haslinda Binti Abas dan Dr. Sushilawati Binti Ismail yang merupakan Penasihat dan Pengiring untuk program tersebut.

Program Bakti Siswa UTHM ini berkaitan dengan kerja-kerja amal yang melibatkan mahasiswa/i UTHM bersama anak-anak yatim di rumah anak-anak yatim Raudhatul Maryam, Skudai, Johor. Dengan mengisi pelbagai aktiviti yang bermanfaat seperti penerangan bidang kejuruteraan awam, aktiviti meningkatkan motivasi, mengecat, membersihkan kawasan sekitar rumah Raudhatul Maryam, pertandingan membuat sandwich dan pertandingan mewarna bersama anak-anak yatim bagi memastikan mahasiswa/i sentiasa cakna akan kerja dan tugas bagi seorang insan yang prihatin dan peka terhadap golongan yang kurang bernasib baik dan juga melahirkan mahasiswa/i yang berintegriti tinggi. Program ini diakhiri dengan memberikan hadiah sumbangan daripada pihak UTHM dan penaja kepada pihak pengurusan Raudhatul Maryam untuk mengurangkan beban di rumah anak yatim tersebut. Dengan mengadakan program seperti ini mahasiswa/i boleh belajar dan mempraktikkan secara fizikal apa yang telah diajar secara teori berkaitan keperihatinan.



MENINGKATKAN KEMAHIRAN PELAJAR UTHM DALAM PENGGUNAAN PERISIAN ADOBE ILLUSTRATOR (AI)

Pada 28 Oktober 2022, hari Jumaat, Kelab kejuruteraan Awam (KKA) Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia UTHM telah menganjurkan sebuah program yang diberi nama Workshop 1.0: Design Your Shirt with Ai. Program ini telah dianjurkan oleh KKA dengan kerjasama Persatuan Kejuruteraan Awam (PERKA) Universiti Teknologi Mara Shah Alam melalui atas talian di platform Zoom Meeting dan Facebook Live. Program yang menyerupai kursus jangka pendek ini menjemput telah Saudara Muhammad Nooradli binti Mohd Yazed sebagai tenaga pengajar, yang merupakan pengasas THE ADLYRANDER STUDIO, iaitu sebuah studio yang menyediakan perkhidmatan percetakan baju sublimation. Beliau juga merupakan pelajar UTHM dalam bidang Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif).

Program yang berlangsung bermula jam 8.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari ini telah dihadiri seramai 101 pelajar yang terdiri daripada pelajar UTHM, pelajar UiTM dan beberapa pelajar yang berada di IPTA lain. Penglibatan seramai 101 pelajar ini menunjukkan bahawa program yang menyediakan platform untuk pembelajaran kemahiran mampu menarik minat pelajar.

Mahasiswa juga sedar bahawa penguasaan kemahiran merupakan salah satu kelebihan yang perlu dimiliki pada masa kini. Program ini bukan sahaja telah memberi manfaat kepada mahasiswa UTHM, malah mahasiswa IPTA lain yang telah menyertai program ini berkongsi manfaat yang sama.

Di akhir program ini, peserta mencadangkan agar program sebegini dapat diperbanyakkan dan diteruskan kerana membolehkan mahasiswa mempelajari kemahiran baru tanpa mengeluarkan wang. Malah peserta program juga teruja untuk menyertai program sebegini pada masa akan datang. Matlamat pengajuran program adalah untuk menyediakan platform pembelajaran dan penyuntingan secara percuma kepada mahasiswa tercapai, malah mahasiswa yang berminat dengan aktiviti penyuntingan dapat mencuba menggunakan perisian Adobe Illustrator ini serta mahasiswa dapat menambah kemahiran dan menggilap bakat dalam diri mereka. Oleh itu, program ini dapat melahirkan mahasiswa mahir dalam bidang kokurikulum sesuai dengan visi dan misi negara untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dalam kurikulum dan kokurikulum.



PROGRAM KEJOHANAN SUKAN ANTARA FAKULTI (SAF) 2022

Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) 2022 telah dirasmikan pada 25 November 2022 di lobi utama perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM oleh YBhg. Profesor Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman bin Hj. Ismail Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UTHM. Sukan dan permainan ini di pecahkan kepada dua fasa. Antara kategori permainan yang dipertandingkan pada fasa pertama ialah indoor rowing, bola tampar, bola keranjang 3x3, ragbi, dan taekwondo. Manakala fasa kedua, sukan yang dipertandingkan ialah sukan renang, bola jaring, bola sepak, hoki, silat, e-sport Mobile Legends dan perbarisan.

Setiap fakulti diminta untuk menghantar wakil untuk mewakili fakulti masing-masing mengikut sukan yang dipertandingkan. Jumlah keseluruhan pemain ialah seramai 1413 orang yang mana setiap fakulti telah menghantar wakil seramai 157 orang. Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SAF) seterusnya telah ditutup oleh YBhg. Profesor Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim selaku Naib Canselor UTHM pada 3 Disember 2022 di stadium UTHM. Program ini telah berjaya mengeratkan lagi hubungan antara fakulti di UTHM sekaligus dapat memepuk semangat bersukan dalam diri pelajar UTHM demi kesihatan Bersama.


SAMBUTAN KEDATANGAN PELAJAR BAHARU PROGRAM SENIBINA SESI 2022/2023

Tarikh : 16 November 2022
Masa : 9.00 AM – 1.00 PM
Tempat : Kampus Bandar, UTHM
Penganjur : Archi Brigade
Peserta : Pelajar & Pensyarah
Senibina

Program Exordium ini berlangsung untuk memberi peluang kepada pelajar senibina berkenalan dengan lebih erat antara satu sama lain serta mencetuskan semangat dalam diri mereka. Penglibatan pelajar dalam program ini membolehkan mereka diberi pendedahan awal mengenai bidang senibina melalui proses 'Peer – Learning' bersama pelajar kanan dalam program yang sama.

Antara aktiviti yang dilaksanakan ialah Slot Archinflux, Slot Quad Excursion dan Slot Blooming Archibuild. Penyertaan dalam program ini memberi kesempatan kepada pelajar baharu untuk melawat sekitar Kampus Bandar UTHM dan pada masa yang sama mengenali kawasan sekitar. Aktiviti ini dijalankan melalui permainan secara berkumpulan dengan menggunakan aplikasi "Goosechase" agar lebih interaktif. Sesi penutupan program diserikan dengan kehadiran Prof. Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim Bin Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bagi sesi penyampaian hadiah kepada para pelajar.





PAMERAN PROJEK "SCULPTING LIGHTING" OLEH PELAJAR SENIBINA TAHUN 1, SEMPENA ARCHI NIGHT

Tarikh : 30 November 2022
Masa : 8.00 PM – 11.00 PM
Tempat : Dataran Terbuka UTHM
Penganjur : ArchiBrigade
Peserta : Pelajar FKAAB

Aktiviti utama program ini adalah pameran dan pembentangan projek bagi kursus Studio Rekabentuk pelajar tahun satu, bertajuk "Sculpting Lighting". Melalui aktiviti ini, pelajar tahun satu diberikan pendedahan dan pengalaman tentang proses pembentangan produk rekabentuk kepada pihak umum yang menilai idea rekabentuk mereka. Mereka dikehendaki untuk menjual idea mereka kepada pihak umum, agar produk rekabentuk mereka dapat diterima dan diundi oleh pelawat yang menghadiri program ini. Projek "Sculpting Lighting" ini memerlukan pelajar untuk menterjemah, menghuraikan, dan mengembangkan pemahaman mengenai elemen asas rekabentuk senibina, dan diterjemahkan ke dalam bentuk pencahayaan arca abstraksi 3D.

PROGRAM THE AMAZING RACE

Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam bina (FKAAB), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program "The Amazing Race" di Padang Kawad Palapes UTHM pada 5 Disember 2022. Program ini disertai oleh 9 kumpulan yang terdiri daripada 5 orang untuk setiap kumpulan. Program diketuai oleh Patricia Juana Tekong, selaku Pengarah Program. Program ini berlangsung selama 3 jam 30 minit.

Program ini dijalankan kerana terdapat segelintir pelajar masih tidak pernah menjejak kaki ke kawasan kampus. Oleh itu dengan adanya program-program yang menarik seperti explorace ini mampu menarik minat mahasiswa/i untuk menyertai program yang kian banyak dilakukan pada masa datang. Di samping mahasiswa/i menuntut ilmu, adanya program explorace sebegini mampu melahirkan pelajar yang cergas dan cerdas di sisi akademik mahu-

pun kokurikulum.

Program explorace ini juga mampu memperkenalkan Kelab Kejuruteraan Awam (KKA) di kalangan mahasiswa/i yang baru sahaja mendaftar sebagai pelajar baharu di UTHM. Bahkan mampu menarik minat pelajar baharu mahupun pelajar kanan untuk menyertai mana-mana kelab/organisasi apabila adanya program yang menarik diadakan di kampus.

Antara tujuan utama program ini diadakan adalah bagi memupuk sikap tolong-menolong, bertimbang rasa serta bekerjasama dalam kerja berkumpulan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara mahasiswa/i dengan orang awam serta meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa/i dalam menguruskan sesebuah program. Adalah diharapkan agar program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang.





PROGRAM HARI BERSAMA IPT ANJURAN KELAB KEJURUTERAAN AWAM (KKA) DENGAN KERJASAMA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM) PASIR GUDANG

Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam bina (FKAAB), dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM) Cawangan Pasir Gudang telah melaksanakan program “Hari Bersama IPT” di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor pada 8 Disember 2022. Program Hari Bersama IPT merupakan satu usaha bagi mewujudkan hubungan yang baik antara universiti, kolej atau IPT lain bagi memeriahkan lagi Festival Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia 2022.

Tujuan Program Hari Bersama IPT diadakan adalah bagi mengeratkan hubungan antara mahasiswa/i UTHM dengan pelajar IPT yang lain. Malah, program ini juga dapat mewujudkan nilai murni semangat kerja berpasukan antara mahasiswa/i untuk membentuk kemahiran dan meningkatkan tahap keyakinan diri dalam penglibatan aktiviti-aktiviti bagi mencungkil bakat mereka. Di samping itu, program ini juga bukan sahaja menambah keyakinan diri, ia juga dapat memperkasakan ilmu pengetahuan melalui sesi soal jawab yang berkaitan dengan bidang pelajaran mahasiswa/i. Bertitik tolak daripada itu, program ini juga dapat memberi pendedahan kepada pelajar IPT yang lain tentang keunikan UTHM serta program yang ditawarkan di peringkat lepasan ijazah yang akan menarik minat pelajar untuk menyambung pengajian di UTHM.

Seawal jam 9.00 pagi program dimulakan dengan kata-kata alu-aluan oleh moderator program, Saudari Thivashini untuk membuka majlis dan diteruskan dengan bacaan doa. Pada jam 9.30 pagi, acara Bridge Competition atau pertandingan membina model jambatan telah dimulakan. Peserta diberikan tempoh masa dua jam sahaja dan tambahan 10 minit (atas permintaan peserta) untuk menyiapkan model jambatan masing-masing. Peraturan pertandingan telah dihebahkan di dalam Group WhatsApp peserta, jadi peserta dikehendaki datang dengan persiapan masing-masing. Panel juri menilai setiap kumpulan mengikut rubrik markah yang telah ditetapkan.

Cara pengujian kekuatan model jambatan dikendalikan oleh panel juri. Antara panel juri yang dijemput untuk menilai model jambatan ialah Dr. Nurazuwa binti Md Noor selaku ketua panel penilai, Ts. Dr Zeety binti Md Yusof dan Dr Goh Wan Inn. Semasa tempoh masa pertandingan membina model jambatan menghampiri penghujungnya, kuiz rawak telah diajukan kepada peserta program sebagai salah satu cara untuk mengisi masa peserta yang telah hampir menyiapkan model mereka dan untuk mengalihkan sedikit fokus peserta.

Hadiah kuiz rawak telah disampaikan oleh Dr. Nurazuwa, pengiring UiTM, Encik Johan dan pengiring PIS, Encik Nazri. Pada



jam 11.40 pagi, para peserta dikehendaki untuk berhenti daripada melaksanakan aktiviti membina model jambatan, mereka diminta untuk bersiap sedia untuk membentangkan model yang telah dibina. Sesi perbentangan dan pengujian terhadap kekuatan model untuk menampung berat bermula. Setelah penilaian tamat, pemenang bagi pertandingan membina model jambatan telah diumumkan oleh moderator program yang bermula dari penyampaian hamper saguhati. Seterusnya pemenang pertandingan membina model jambatan bagi tempat pertama, kedua dan ketiga. Hamper saguhati dan hamper pemenang tempat pertama, kedua dan ketiga disampaikan oleh Dr. Goh Wan Inn. Akhir sekali, aktiviti mengambil gambar diteruskan dan peserta dibenarkan bersurai.



PELAJAR KEJURUTERAAN AWAM (KKA) MELAKSANAKAN PROGRAM FUYOO FKAAB YANG KALI KE-6

Kelab Kejuruteraan Awam (KKA), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dengan anjuran Jawatankuasa HEPA FKAAB, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah melaksanakan program FUYOO FKAAB 6.0 di sekitar bangunan Fakulti Kejuruteraan Awam pada 12 Disember 2022. Program ini bermula pada 8.00 pagi dan berakhir pada 11.00 malam. Program ini disertai oleh kesemua penasihat akademik dan kerjaya, PAK (145 orang staf akademik) dan kesemua pelajar FKAAB (1803 orang pelajar prasiswazah).


Program ini diketuai oleh Ts. Dr. Azeanita Suratkon selaku penasihat dan Dr Sushilawati Binti Ismail selaku pengarah program. Program ini merupakan program pertemuan santai dan mesra antara penasihat akademik dan kerjaya (PAK) dengan pelajar penasihat. Ianya juga sebagai platform perkongsian perihal peribadi, akademik, kebajikan dan persediaan kerjaya yang mana ianya dipecahkan mengikut atucara program yang telah ditetapkan.

Program ini dimulakan pada jam 8.30 pagi dengan ucapan kata alu-aluan dan perasmian oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam di dataran FKAAB, UTHM. Setelah itu, aktiviti senamrobik telah dijalankan dan kesemua pelajar diminta untuk memakai pakaian yang bersesuaian dan aktiviti ini telah dijalankan selama 50 minit. Seterusnya pelajar telah diberi sarapan berupa nasi lemak, roti dan air mineral sebagai bekalan

mereka meneruskan aktiviti selanjutnya. Pada jam 9.30 pagi hingga jam 11 pagi, pelaksanaan aktiviti Connect to Reflect PAK-Pelajar telah dijalankan sekali dengan pertandingan fotografi "Breaking Barrier with PAK" dimana pelajar diminta untuk memuat naik hasil kreativiti bergambar mereka Bersama PAK di laman sosial dengan menggunakan #FUYOOFKAAB6.0.

Seterusnya, aktiviti diteruskan dengan "Jom Derma Darah" pada jam 10.00 pagi oleh pasukan Tabung Derma Darah Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang. Aktiviti derma darah ini telah dijalankan di ruang legar Am FKAAB dan ianya terbuka kepada semua staf dan pelajar FKAAB. Pada petang hari, aktiviti diteruskan dengan sesi perkongsian ilmu khas berkaitan pengurusan masa belajar oleh Puan Shakila binti Ahmad di bilik seminar 1. Turut berlangsung aktiviti Career Talk: Resume and Interview Preparation yang dijalankan di bilik mesyuarat FKAAB dan aktiviti Business Talk oleh penceramah khas iaitu Dr. Zul Ariffin Maarof dan ianya dijalankan secara atas talian.

Pada malam hari, aktiviti diakhiri dengan pertunjukan "Light in the Dark" oleh pelajar architectural yang bertempat di dewan terbuka UTHM. Program ini Berjaya dijalankan dengan lancar dan adalah diharapkan agar program sebegini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



MAJLIS APRESIASI KELAB KEJURUTERAAN AWAM 2021/2022

Tarikh : 30 November 2022
Masa : 8.30 PM - 11.00 PM
Tempat : Dewan Orchid, Barokah
Village
Tetamu : Prof Madya Ts Dr Nor
Haslinda binti Abas
Prof Madya Ts Dr Azeanita
Suratkon
Peserta : 35 orang

Majlis Apresiasi dianjurkan oleh Kelab Kejuruteraan Awam untuk menghargai pencapaian segala program yang telah dilaksanakan pada sesi 2021/2022. Selain itu, tujuan majlis ini juga meraikan perkhidmatan Majlis Tertinggi serta Ketua Jabatan dan Timbalan Ketua Jabatan sesi 2021/2022 yang telah melaksanakan tugas mereka dengan jayanya. Majlis ini pertama kali dianjurkan secara bersemuka setelah selama 2 tahun disebabkan pandemik Covid-19. Bilangan yang menyertai majlis ini seramai 35 orang termasuk dua pensyarah. Majlis juga dimulakan dengan ucapan daripada penasihat kelab hingga Presiden sesi 2021/2022. Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian wakil daripada Majlis Tertinggi iaitu Cynthia. Seterusnya, majlis diikuti dengan tayangan montaj program-program yang berjaya dilaksanakan pada sesi 2021/2022. Majlis diakhiri dengan pengumuman anugerah King & Queen. Walaubagaimanapun, Majlis Apresiasi Kelab Kejuruteraan Awam 2021/2022 ini telah berjalan lancar dengan kerjasama seramai 13 ajk yang terlibat untuk menjayakan majlis ini.





KELAB KEJURUTERAAN AWAM BONDING SESI 2022/2023

- Tarikh** : 30 Disember 2022
Masa : 4.45 PM – 7.00 PM
Tempat : Wakaf KKDK ,Kolej
Kediaman Tun Dr. Ismail
(KKTDI)
Tetamu : Prof Madya Ts Dr Nor
Haslinda Abas
: Prof Madya Ts Dr Azeanita
Suratkon
: Dr Sushilawati Ismail
Peserta : Ahli KKA & Pensyarah

Program ini dianjurkan untuk memberi peluang kepada semua ahli KKA untuk berkenalan antara sama lain serta secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturrahim antara ahli KKA dan pensyarah. Selain itu, terdapat sukan aktiviti diadakan yang telah disediakan oleh ahli JSPRM untuk mengisi masa lapang sementara menunggu makanan siap terhidang serta juga menyambut hari lahir bagi ahli yang lahir pada bulan disember. Para pensyarah juga turut hadir dalam program ini antaranya adalah Prof. Madya Ts.Dr.Nor Haslinda binti Abas, Prof. Madya Ts.Dr.Azeanita binti Suratkon dan Dr. Sushilawati binti Ismail. Secara keseluruhannya, program ini telah berjalan dengan baik dan lancar. Akhir sekali, program ini mendapat sambutan baik daripada ahli KKA dan berharap agar program sebegini diadakan untuk masa hadapan.

GEOLOGICAL ENGINEERING FIELD WORK CAMP AT MERSING GEOPARK, JOHOR

Tarikh : 16-31 Disember 2022
Masa : 9.00 AM – 1.00 PM
Tempat : Kampus Bandar, UTHM
Penganjur : Archi Brigade
Peserta : Pelajar & Pensyarah
Senibina

321 students from 6 sections of Engineering Geology course (BFC21303) in Semester 1 Session 2022/2023 were involved in a series of field work camp conducted at Mersing Geopark, Johor. The field work camp was divided into three groups according to their trips scheduled which implemented on 16-17 December 2022, 23-24 December and 30-31 December 2022.

The objective of field work camp is to expose students to the application of engineering geology through field investigation. Students were introduced to engineering geology via identify the rock type, rock mass, rock weathering, measuring discontinuity data and analyzing the rock slope stability via the Rock Mass Rating (RMR) and Geological Strength Index (GSI) methods based on the standard industrial practices. This engineering geology fieldwork camp is designed to prepare students with practical knowledge of engineering geology towards civil engineering field which is in line with the mission and vision of the faculty and university.





STAFF

KUMPULAN KRAFTANGAN WASTE TO VASE MESRA WARGA EMAS

Aktiviti Ziarah Prihatin telah dianjurkan oleh Kelab Staf UTHM (KSUTHM) ke Pusat Jagaan Warga Emas Nur Ehsan Ledang (PJWENEL), Johor pada 31 Oktober 2022 telah berjalan lancar dan mencapai objektif yang diharapkan. Pusat jagaan ini dihuni oleh seramai 40 orang warga emas yang terdiri daripada orang tua yang kurang upaya yang berusia daripada 50-70 tahun. Kehadiran pasukan UTHM disambut mesra oleh YBrs. Pn. Hajjah Norijah Bt. Bidin.

Sesi lawatan ini diwakili oleh beberapa pasukan yang menyertai dengan pelbagai aktiviti termasuk membuat kraftangan, mengecat mural dan membaiki peralatan seperti kerusi roda, pendawaian dan peralatan lain. Pasukan kraftangan dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) seramai 6 orang yang diketuai oleh Ts. Dr. Sabariah Musa dan ahli pasukan lain iaitu PM Ts Dr Rafidah Hamdan, PM

Dr Nor Haslinda Abas, Dr Nurazuwa Mohd Noor, Dr Zaihasra Abu Talib, Dr Sushilawati Ismail turut menjayakan program ini.

Pasukan ini telah bersama-sama dengan ahli rombongan dan penghuni pusat tersebut memberi tunjuk ajar sambil beramah mesra dengan aktiviti membuat bakul atau pasu bunga daripada kertas surat khabar lama. Ini merupakan usaha kreatif bagi memberi idea kepada warga emas untuk mengitar semula surat khabar lama kepada sesuatu yang lebih berharga di samping dapat memanafaatkan masa. Kehadiran dan pengalaman sehari bersama warga emas ini amat bermakna apabila terserlah wajah kegembiraan semasa sesi mengajar dan bermesra bersama warga emas tersebut. Semoga aktiviti sebegini akan diteruskan pada masa akan datang bagi mengeratkan lagi hubungan antara Universiti dan komuniti.





Disediakan oleh:

Ts Dr Muhammad Fikri Hasmori
Penolong Ketua Warden
ERT FKAAB

EDISI JUL - DIS 2022


CETUSAN
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM & ALAM BINA



LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN FKAAB 2022

Tarikh : 12 Oktober 2022
Masa : 9.30 AM
Tempat : FKAAB
Panel : Emergency Response
Team (FKAAB)
Peserta : Penghuni bangunan
FKAAB

Program ini dijalankan untuk memberikan latihan kepada pasukan ERT FKAAB dan penghuni bangunan FKAAB tentang perkara yang perlu dilakukan semasa kebakaran dan kecemasan. ERT FKAAB telah tanpa gagal melaksanakan latihan ini setiap tahun sejak 2018. Loceng penggera keselamatan telah berbunyi pada 9.30 pagi dan bangunan telah dikosongkan pada pukul 9.38 pagi. Masa yang diambil ialah 8 minit untuk pengungsian penuh. Penghuni bangunan telah berkumpul di tempat berkumpul kecemasan di tempat letak kenderaan di hadapan dan dibelakang bangunan FKAAB. Pihak Bahagian Keselamatan UTHM juga telah turut serta memantau latihan ini. Semasa berkumpul, penghuni telah diberikan taklimat berkenaan perkara yang sepatutnya dilakukan semasa terdengar bunyi loceng kecemasan dan cara yang betul untuk menyelamatkan diri jika terperangkap dalam kebakaran. Latihan tamat pada pukul 10 pagi.



FKAAB | Dengan Hikmah Kita Meneroka



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>



KOMUNITI

PROGRAM PENENTUAN KUALITI AIR SUNGAI MELALUI PETUNJUK BIO DAN KIMIA BERSAMA PENGAJAR DAN PELAJAR KOLEJ MATRIKULASI KEJURUTERAAN JOHOR (KMKJ), PONTIAN JOHOR DI GUNUNG PULAI

Pada 26 NOVEMBER 2022, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB, UTHM) telah menjalankan Program Kelestarian dengan menggunakan pendekatan Petunjuk Bio (makroinvertebrata) dan Kimia dalam menentukan kualiti air sungai di Gunung Pulai. Program ini telah mendapat kerjasama daripada Pejabat Kampus Lestari (SCO, UTHM) dengan melibatkan penyertaan dari kalangan pensyarah dan pelajar Kolej Matrikulasi Kejuruteraan Johor (KMKJ), Pontian yang juga merupakan institusi angkat UTHM di bawah Program Sekolah Angkat UTHM.

Seawal jam 7.30 pagi, ahli jawatankuasa program bersama seramai 11 orang pelajar dari Yayasan UTHM yang bertindak sebagai pembantu fasilitator telah bertolak dari UTHM ke Gunung Pulai. Seramai 9 orang fasilitator terdiri daripada staf akademik FKAAB dan juga staf SCO termasuk Pengarah Prof. Ts. Dr. Aeslina Abdul Kadir turut bersama-sama turun padang bagi menjayakan program ini dengan penglibatan seramai 10 orang pensyarah dan 38 orang pelajar KMKJ.

Program kali ini telah dikoordinasikan oleh Dr. Siti Hidayah Abu Talib dan Dr. Nor Amani Filzah Mohd Kamil. Sehari sebelum aktiviti di lapangan dijalankan, satu taklimat ringkas program berkenaan tatacara serta agenda aktiviti telah disampaikan oleh Ts. Dr Mohd Ariff Ahmad Nazri manakala

urusan logistik, lokasi serta persediaan keperluan program di bawah tanggungjawab Dr. Muhammad Salleh Abustan.

Aktiviti melalui program ini bertujuan untuk mendedahkan kepada peserta kaedah Purata Skor Taxon (ASPT) bagi mengetahui samada air sungai itu berada pada tahap bersih atau sebaliknya melalui hidupan makroinvertebrata yang hidup di dalamnya. Pengenalan kepada Kit Pendidikan Kualiti Air juga turut didedahkan dengan memfokuskan kepada kaedah penggunaannya.

9 kumpulan berjaya dibentuk melalui program ini dan kesemuanya telah memberikan komitmen yang cemerlang berdasarkan kepada hasil yang dibentangkan pada penghujung program. Mereka telah menemui beberapa spesis dan keluarga makroinvertebrata di dalam air dan kemudian membuat perbandingan dengan menggunakan kaedah kimia yang mana telah dirumuskan melalui pengiraan dan perbandingan bagi menentukan tahap kualiti air sungai Gunung Pulai. Usaha dan pendekatan ini turut menarik minat Pengarah KMKJ untuk sama-sama meninjau ke lokasi program.

Program ini adalah siri lanjutan dari program-program serupa yang pernah dijalankan sebelum ini bersama dengan pelbagai agensi kerajaan serta penglib-

atan dari sekolah-sekolah sekitar Johor Bahru, Pasir Gudang, Kluang dan Batu Pahat. Cuma kali ini disebarluaskan pula ke daerah Kluang. Pelaksanaan aktiviti / program yang berkaitan penentuan kualiti air sungai ini diharapkan dapat memupuk minat dalam mencintai sungai seterusnya menjadi amalan dan budaya oleh staf dan pelajar bagi mewujudkan sebuah kampus yang lestari. Selain daripada itu, program ini turut memberi peluang dan pengalaman kepada pelajar terutamanya daripada golongan B40 menyertai program ini sebagai fasilitator bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran komunikasi dan kompetensi pelajar. Penglibatan pelajar ini adalah Kerjasama dari Yayasan UTHM. Selain itu, ia berupaya dijadikan platform bagi SCO untuk mengumpul data-data lestari bagi penarafan yang disertai oleh UTHM.



KARNIVAL STEM STEX 2022

Pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina mewakili Universiti Tun Hussein Onn Malaysia telah dijemput untuk menyertai Karnival STEM STEX 2022 yang telah diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Scientex, Pasir Gudang, Johor pada 19 hingga 24 September 2022. Peserta bagi karnival ini melibatkan 19 buah sekolah menengah di negeri Johor.

STEM merupakan singkatan kepada bidang Science, Technology, Engineering dan Mathematics yang digunakan bagi menunjukkan dasar pendidikan dan pilihan kurikulum sekolah. Keperluan STEM wujud apabila kehendak terhadap bidang kerja yang melibatkan STEM adalah tiga kali ganda jauh lebih tinggi berbanding bidang lain. Oleh itu, program ini dijalankan bagi menanam minat kepada pelajar untuk menyambung pelajaran dalam bidang STEM sejak dari sekolah lagi.



Salah satu program dalam karnival ini adalah pertandingan kualiti air sungai telah diadakan di Laman Rekreasi Sungai Buluh, Pasir Gudang pada 22 September 2022. Peserta bagi pertandingan ini terdiri dari SMK Sri Perhentian Pontian, SMK Seri Kota Puteri 2 (Pasir Gudang), SMK Sultan Ibrahim (Kulai), SMK Tan Sri Mohamed Rahmat (Johor Bahru), SMKA Maahad Muar dan SMK Taman Scientex.

Bagi program ini, pensyarah UTHM telah dijemput sebagai juri bagi pertandingan. Markah pertandingan diukur dari segi pemahaman peserta, bilangan makroinvertebrata, nilai saintifik, kerjasama dalam kumpulan dan kreativiti. Sebagai tanda penghargaan dari UTHM, kumpulan yang mendapat markah tertinggi menerima hadiah kit pendidikan kualiti air yang telah direkabentuk oleh pensyarah UTHM. Program seperti ini dapat memantapkan lagi minda pelajar dengan ilmu yang tidak didapati secara langsung melalui pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Selain itu, program seperti ini juga dapat menggalakkan murid bekerjasama dalam satu pasukan.

Sekali lagi pensyarah UTHM turut serta di dalam karnival ini melalui pameran yang telah dijalankan pada 24 September 2022. Pada hari yang sama, majlis perasmian turut dijalankan dan dirasmikan oleh Ybhg Encik Md Said Bin Md Daimon merupakan Pengarah Pendidikan Negeri Johor. Karnival ini juga menjemput komuniti setempat iaitu warga Pasir Gudang dan alumni STEX. Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti Sepakan Penalti STEX STEM,

E-sport Mobile Legends, Food Truck, Booth Interaktif, Mini Zoo, Rumah Hantu Popular dan pelbagai lagi aktiviti menarik.

Pertandingan Do-it-Yourself DIY Penapis Air telah dijalankan di meja pameran UTHM. Melalui pertandingan ini, pelajar perlu bekerjasama dalam kumpulan untuk mereka bentuk sendiri penapis air dengan menggunakan bahan yang mudah diperolehi seperti batu, pasir dan sebagainya. Selain menggunakan bahan yang disediakan oleh pensyarah UTHM, pelajar perlu menggunakan bahan sendiri berdasarkan kreativiti masing-masing. Penentuan pemenang adalah berdasarkan kualiti air tapisan terbaik dengan menggunakan alat mudah-alih iaitu Multiparameter Water Testing. Kualiti air terbaik dari segi bacaan pH yang natural, kepekatan oksigen terlarut yang tinggi dan bacaan kekeruhan yang rendah.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DAN SESI PEMINDAHAN ILMU DI SK SERI REJO SARI

Satu program khidmat masyarakat dan pemindahan ilmu telah dijalankan di SK Seri Rejo Sari, Senggarang. Seramai 17 staf Universiti Tun Hussein Onn yang terlibat terdiri daripada ahli-ahli Kumpulan Fokus Advanced Pavement Materials (PAVE-MAT), staf Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) yang lain serta 2 orang pensyarah daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Program ini juga telah mendapat tajaan kewangan daripada Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat, UTHM.

Menurut pengarah program, Dr. Nurul Hidayah Mohd Kamaruddin, SK Seri Rejo Sari merupakan sekolah angkat di bawah Kumpulan Fokus PAVE-MAT. Aktiviti khidmat masyarakat dan pemindahan ilmu ini merupakan aktiviti yang telah dirancang bagi tahun 2022. Pada tahun 2021, aktiviti

webinar bersama SK Seri Rejo Sari hanya dijalankan secara dalam talian sahaja bagi mengelakkan penularan wabak Covid-19.

Program khidmat masyarakat ini melibatkan aktiviti mengecat koridor sebagai laluan jalan raya. Seramai 38 orang pelajar tahun 6 telah terlibat ketika sesi mengecat ini. Pelajar membantu membersihkan koridor, membantu penandaan garis jalan dan merasai pengalaman mengecat.

Bagi sesi pemindahan ilmu, Dr. Mohamad Nasir bin Mohammad Taher selaku ketua Pusat Pemanduan Bijak FKAAB, telah menyampaikan ceramah bertajuk “Kepentingan Papan Tanda dan Keselamatan Jalan Raya”. Seramai 295 pelajar dari tahun 1 hingga 5 telah terlibat ketika sesi ini. Sebelum acara ceramah bermula, terdapat 3 orang pelajar telah



membuat persembahan sajak, syair dan pantun mengenai kepentingan papan tanda. Ketiga-tiga pelajar ini telah mendapat cenderahati sumbangan daripada Pertubuhan Permuafakatan Pendidik Malaysia. Secara tidak langsung, pelajar turut diterapkan dengan nilai berani untuk membuat persembahan di hadapan khalayak ramai. Program ini tamat sepenuhnya pada jam 2 petang. Sebelum pulang, pihak sekolah telah menyampaikan cenderamata kepada semua kakitangan UTHM yang terlibat sebagai penghargaan.

Sesi penghargaan ini telah disampaikan sendiri oleh Guru Besar SK Rejo Sari, Cikgu Mohd Iswandy bin Sahlan serta turut dibantu oleh Cikgu Mohd Shukri bin Mohamad Jani, Guru Penolong Kanan Kokurikulum yang banyak membantu dalam kelancaran program. Guru besar berharap agar program-program sebegini dapat diteruskan di masa akan datang.



PROGRAM PEMINDAHAN ILMU PEMBINAAN JALAN RAYA UNTUK KAWASAN DESA: CEPAT, JIMAT & BERKUALITI

Tarikh : 06 Julai 2022
Masa : 8.00 AM – 11.30 AM
Tempat : Jln Hj Mariam, Parit
Jelutong, Parit Raja, Johor
Komuniti : Syarikat Indahpura, Sri
Medan, Batu Pahat

Program KTP bersama pihak industri ini telah dirancang untuk menambahbaik proses amalan terbaik kerja pembinaan jalan raya

yang cepat, jimat dan berkualiti. Perkongsian ilmu telah dilakukan menerusi penjelasan lanjut kenyataan dalam yang dinyatakan dalam spesifikasi standard jalan raya dan melalui aktiviti praktikal di tapak pembinaan. Pihak syarikat mengucapkan penghargaan yang tinggi kerana pihak mereka sering menerima permintaan dan tawaran projek pembinaan jalan raya dalam daerah Batu Pahat ini.





PROJEK KEBUN KOMUNITI (CSR)

Tarikh : 15 - 16 Ogos 2022
Tempat : Kebun Komuniti
Komuniti : Madrasah Tahfiz Luqman Al-Hakim, Kg Parit Jelutong dan Jemaah di Masjid dan surau yang berdekatan

Penganjuran program ini adalah di bawah program khidmat masyarakat (CSR) di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) dengan kerjasama Jabatan Pertanian Batu Pahat dan Kelab Kejuruteraan Awam (KKA). Antara aktiviti adalah memetik dan menyerahkan hasil tanaman kepada sasaran komuniti yang terlibat. Terdapat juga hasil jualan dan akan digunakan untuk R&D pelajar dan kelestarian kewangan Pendidikan dan kebajikan setempat.

PROGRAM TEKNIK PENENTUAN KUALITI AIR SUNGAI MELALUI PENUNJUK BIO (MAKROINVERTEBRATA) DAN KIMIA

Tarikh : 30 Ogos 2022
Tempat : Hutan Lipur Soga Perdana,
Batu Pahat
Komuniti : SMK temenggong Ibrahim

Program pemindahan ilmu penentuan kualiti air menggunakan penunjuk kimia dan biologi (makro invertebrata) bersama guru dan pelajar TIGS diadakan di Hutan Lipur Soga Perdana, Batu Pahat.



PAMERAN STEM DAN PROMOSI FKAAB SEMPENA HARI KOKURIKULUM SMK SERI INTAN 2022

Tarikh : 29 November 2022
Masa : 10.00 AM – 1.30 PM
Tempat : SMK Seri Intan, Kluang
Panel : Ts Dr Tong Yean Ghing
: Dr Nor Amani Filzah Kamil
Peserta : Pelajar-pelajar SMK Seri Intan dan komuniti sekitar bandar Kluang

Satu pameran booth daripada FKAAB, UTHM telah diadakan di SMK Seri Intan sempena Hari Kokurikulum. Pameran ini bertujuan untuk memperkenalkan pelajar-pelajar mengenai STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematics), menarik minat pelajar sekolah menengah mengenai bidang STEM dan memberi keterangan kepada pelajar-pelajar mengenai kerjaya-kerjaya yang berkaitan dengan STEM. Pameran mengenai penentuan kualiti air menggunakan alat mu-

dah-alih iaitu Multiparameter Water Testing dan makroinvertebrata yang menyelidikan diketuai oleh Dr. Nor Amani Filzah juga diadakan di pameran. Cara-cara menggunakan alat tersebut telah diterangkan kepada cikgu-cikgu, pelajar-pelajar dan komuniti setempat.

Selain itu, pameran ini juga bertujuan untuk mempromosikan program-program yang ditawarkan oleh UTHM dan khususnya fakulti kejuruteraan awam dan alam bina kepada pelajar-pelajar sekolah menengah sekitar bandar Kluang. Hari kokurikulum ini juga menjemput komuniti setempat iaitu warga Kluang dan pelajar-pelajar sekitar SMK Seri Intan. Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti pertandingan memasak, jualan makanan, minuman, booth inovasi dan pelbagai lagi aktiviti menarik.



PROGRAM OSH TO SCHOOL 2022

Tarikh : 29 November 2022 -
01 Disember 2022
Masa : 8.00 AM – 11.30 AM
Tempat : SK Parit Bingan dan SK
Jelotong
Peserta : Staf Akademik & Pelajar
kursus BFC43502
Occupational Safety and
Health

Bagi memupuk kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan dipersekitaran sekolah, seramai 21 sukarelawan yang terdiri daripada staf akademik Kluster Kejuruteraan Bangunan dan Pembinaan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (KKBP, FKAAB) telah menjayakan program Service Learning Malaysia - University for Society (SULAM) dan program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Program). Program yang diberi nama OSH to School ini, turut disertai oleh 230 orang pelajar dari kursus BFC43502 Occupational Safety and Health.

Sekolah Kebangsaan Parit Bingan (SKPB) dan Sekolah Kebangsaan Jelotong (SKJ) telah dipilih sebagai lokasi untuk menjalankan program tersebut memandangkan kedudukannya yang hampir dengan kampus UTHM. Program telah diadakan pada dua hari yang berbeza iaitu pada 29 November 2022 bertempat di SKPB, manaka-

la pada 1 Disember 2022 bertempat di SKJ.

Selain aktiviti berkumpulan yang dinamakan "Hazard Hunt", program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Program) juga telah dijalankan dengan mengadakan sesi perkongsian ilmu bersama para pelajar mengenai kepentingan menjaga keselamatan dan kesihatan yang telah disampaikan oleh Ts. Dr. Muhammad Fikri Bin Hasmori, selaku pensyarah dan penyelaras kursus BFC43502.

Melihat kepada sambutan yang diberikan oleh pelajar UTHM serta pelajar di kedua-dua buah sekolah, jelas menunjukkan keterujaan mereka dalam melakukan aktiviti yang dijalankan secara fizikal ini memandangkan sudah hampir 2 tahun tiada program secara fizikal dijalankan di sekolah tersebut disebabkan oleh penularan wabak Covid-19.

Menyulas lanjut berkenaan program yang dijalankan, besar harapan para Guru Besar di SKPG, Tuan Haji Aezil Syuhearti bin Abdul Sukoh dan Guru Besar SKJ, Cikgu Mohd Asri bin A. Karim agar program sempana ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa agar pelajar sekolah dapat pendedahan awal dalam bidang tertentu serta merapatkan hubungan antara sekolah dan universiti.



KIDSAFE, UTHM

Tarikh : 06 Disember 2022
Tempat : Tabika Kemas Impian Emas, Parit Raja
Komuniti : Guru dan murid-murid

Kidsafe UTHM telah dijalankan di 31 sekolah pada sem 2 21/22. Tabika Kemas Impian Emas adalah program kidsafe terakhir pada tahun 2022.

Kaedah Pengajaran Imersif Class to Community (C2C) yang dilaksanakan melalui projek KidSafe UTHM, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), UTHM dijalankan dalam suasana pembelajaran aktif di luar kelas. Terdapat pelbagai pendekatan secara kreatif dilaksanakan dalam program keselamatan jalan raya .

Manakala elemen Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM) diterapkan untuk memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dengan menekankan pembelajaran dan refleksi timbal balik. Manakala amalan kejuruteraan yang diterapkan melibatkan aspek keselamatan jalan raya seperti yang telah dipelajari dalam kelas BFC 32302 (Traffic Engineering & Safety). .





FKAAB | *Dengan Hikmah Kita Meneroka*



Fkaab UTHM



Fkaab UTHM
Johor Malaysia



<http://fkaab.uthm.edu.my>

